

Selenggara longkang tertutup cegah denggi

KAMPUNG CHERAS BARU. Keadaan sekitar terutama longkang-longkang yang tidak diselenggarakan dengan sempurna membangkitkan rasa tidak senang penduduk yang bimbang akan keselamatan anak-anak mereka.

Seorang penduduk, Roslan Yah berkata, kegagalan pihak berkenaan menyelenggarakan longkang terutama longkang yang tertutup di sekitar kawasan perumahan akan mengakibatkan aliran air tersekat.

"Kami bimbang keadaan ini bukan saja menimbulkan rasa tidak selesa penduduk malah boleh menyebabkan penyakit, terutama apabila air yang bertakung itu menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes," katanya ketika ditemui Sinar Harian.

Tambahnya, baru-baru ini kedua-dua anak lelaki-nya terpaksa ditahan di hospital kerana disyaki dijangkiti demam denggi.

"Pada awalnya saya membawa anak saya Muhammad Mahathir, 13, dan Muhammad Anwar, 12, ke klinik kerajaan untuk membuat pemeriksaan.

Pada 4 Mac lalu, kira-kira pukul 5 pagi, saya mengambil keputusan untuk membawa anak saya ke hospital apabila mereka mengadu sakit pinggang, muntah-muntah serta badan panas," katanya.

Tambahnya, anak sulungnya telah dibenarkan keluar hospital, namun perlu mendapatkan pemeriksaan lanjut di klinik, manakala Muhammad Anwar masih mendapatkan rawatan di hospital.

"Walaupun ada semburan dilakukan di kawasan rumah saya di Jalan 46, namun semburan tersebut hanya dilakukan di hadapan rumah, tidak secara menyeluruh. Saya memohon agar pihak berkenaan melakukan pemantauan kebersihan dari rumah ke rumah serta masalah longkang tersumbat dapat diatasi segera," katanya.

Dapatkan
berita terkini
& berita edisi
secara online

www.sinarharian.com.my



Pada awalnya saya membawa anak saya Muhammad Mahathir, 13, dan Muhammad Anwar, 12, ke klinik kerajaan untuk membuat pemeriksaan. Pada 4 Mac lalu, kira-kira pukul 5 pagi, saya mengambil keputusan untuk membawa anak saya ke hospital apabila mereka mengadu sakit pinggang, muntah-muntah serta badan panas."

- Roslan Yah